

Portal Diraja Pahang d ilancar 24 O ktober

KUANTAN 8 Ogos – Dimensi hubungan antara raja dan rakyat di Pahang akan memasuki era yang lebih moden dengan pelancaran Portal Diraja Pahang, yang pertama seumpamanya di negara ini pada 24 Oktober depan.

Portal tersebut yang kini dalam peringkat terakhir pembinaannya dibangunkan oleh sepasukan pakar dari Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem), di sini yang diketuai Wan Azlee Wan Abdullah dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Pahang.

Penyeliaan portal itu dilakukan sendiri oleh pihak Istana Pahang.

Menurut kandungan berita dari laman web Kuktem, antara kandungan portal tersebut adalah sejarah kesultanan Pahang, bibliografi, gambar mengenai alat-alat kebesaran negeri dan berita me-

ngenai aktiviti serta kehidupan pemerintah kini iaitu Sultan Ahmad Shah.

Utusan Malaysia selanjutnya difahamkan, perkembangan pembinaan portal tersebut telah dipersembahkan kepada pihak istana dan dijangka akan turut dibentangkan kepada Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob tidak lama lagi.

“Portal tersebut dibangunkan dalam dua versi iaitu bahasa Melayu dan bahasa Inggeris,” menurut jurucakap Kuktem ketika dihubungi di sini hari ini.

Versi bahasa Melayu portal itu telah disiapkan sepenuhnya manakala versi bahasa Inggeris juga sudah hampir siap.

Tarikh 24 Oktober dipilih sebagai tarikh pelancaran portal berkenaan kerana ia bersempena dengan Hari Keputeraan Sultan Ahmad Shah yang ke-75.